

Peringatan kepada ahli2 komponen BN jangan tamak

KUALA LUMPUR, Ahad — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini mengingatkan semua parti komponen Barisan Nasional supaya jangan terlalu bersikap meminta atau tamak tetapi sebaliknya bertindak sederhana, agar perpaduan parti dapat dipertahankan.

Perdana Menteri bimbang jika sikap ingin mendapatkan apa sahaja yang diminta akan menimbulkan keadaan huru-hara dan berpecah-belah yang kelak tidak akan menguntungkan sesiapa.

"Jika tiap-tiap kaum dan keturunan di negara ini terlalu tamak dan mendapat semua yang diinginkan, maka akan jadi keadaan huru-hara dan berpecah-belah sehingga yang dituntut hilang dan nikmatnya tidak dirasakan sedikit pun," tambah beliau.

Datuk Seri Dr Mahathir yang juga Pengerusi Barisan Nasional berkata demikian di Malam Tokoh Berjasa bagi meraikan pengasas dan bekas Yang Dipertua Agung Berjasa, Datuk Haji Mohamed Nasir, yang meletakkan jawatan sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri mulai 1 Jun lalu.

Beliau lalu menasihatkan semua anggota Barisan Nasional menyorot kembali sejarah penubuhan BN yang bertujuan mengurangkan berpolitik antara parti dan menumpukan perhatian kepada pentadbiran kerajaan dan kebajikan rakyat.

"Saya ingin mengingatkan kembali bahawa dengan penubuhan Barisan Nasional bermacam-macam parti diundang, termasuk Pas, supaya tidak ada sesiapa yang berfikir bahawa partinya dikecualikan dari memainkan peranan penting dalam pemerintahan negara."

Rebut jawatan

Bagaimanapun, beliau membidas Pas kerana setelah memasuki BN, membuat keputusan sendiri untuk keluar dari Barisan Nasional semata-mata kerana merebut jawatan Menteri Besar Kelantan.

"Pas keluar BN bukan kerana soal ideologi, Islam atau soal politik yang lain, tetapi kerana nak rebut jawatan Menteri Besar, sungguhpun kami tidak ada masalah dengan semua pucuk pimpinan Pas termasuk Datuk Asri."

"Kerana jawatan Menteri Besar itu, Pas sanggup keluar dari BN dan berpecah-belah sehingga menjadi dua parti iaitu Berjasa dan Pas," tegas beliau.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, Pas kini mengulangi semula sejarah dengan adanya pemimpin yang ekstremis yang sanggup memecahbelahkan parti kerana nak merebut jawatan Presiden.

"Saya percaya generasi muda di masa depan akan melihat sejarah berulang sekali lagi di mana pemimpin Pas yang tidak belajar dari pengalaman masa lalu akan cuba merebut berbagai-bagai jawatan dalam parti."

Beliau memuji Datuk Haji Mohamed Nasir yang menurutnya jujur dan sanggup bekerja kuat.

Datuk Haji Mohamed Nasir berkata, sungguhpun beliau menerima ancaman 'dahsyat' sekali dari pucuk pimpinan Pas sehingga menyebabkan beliau tersingkir, beliau tetap berpegang teguh kepada prinsipnya.

Beliau percaya semua pemimpin akan berjaya jika mereka berpegang pada prinsip kejujuran, keberanian dan kesungguhan.

Jamuan makan malam itu dihadiri oleh kira-kira 500 orang anggota komponen Barisan Nasional. Turut hadir ialah Duta Besar Arab Saudi ke Malaysia, Sheikh Mohamed Al-Hamd Al-Shubaili. — Bernama